

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

RPK 321 – Perancangan Landskap

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Perancangan landskap adalah satu bidang yang menitikberatkan penggunaan sumberjaya yang terdapat di atas muka bumi
  - (a) Bincangkan bagaimana bidang perancangan landskap boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan alam sekitar.
  - (b) Huraikan bagaimana Ian Mc Harg telah membantu dalam proses penilaian sesuatu landskap.
  - (c) Bincangkan bagaimana Kevin Lynn menilai imej sesuatu bandar.

(20 markah)
2. Senitaman silam banyak menjadi sumber inspirasi terhadap adaptasi dan imitasi senitaman pada masa kini.
  - (a) Bincangkan bentuk adaptasi atau imitasi yang digunapakai.
  - (b) Huraikan bentuk senitaman Malaysia yang boleh diadaptasikan hasil dari senitaman silam.
  - (c) Bincangkan satu senitaman silam yang tersohor yang paling anda minati.

(20 markah)
3. Bidang hortikultur adalah merupakan antara komponen penting dalam perancangan landskap
  - (a) Huraikan bidang ini secara terperinci.
  - (b) Berikan dua puluh nama saintifik tumbuhan hiasan mengikut pengkelasan keluarga yang sering digunapakai dalam pembangunan landskap.

(20 markah)

- 2 -

4. Tanah adalah merupakan komponen terpenting dalam pembangunan landskap.
- (a) Bincangkan peranan tanah dalam tumbesaran pokok.
  - (b) Apakah itu pH tanah dan huraikan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pH tanah.
  - (c) Apakah yang berlaku kepada profil tanah di tapak pembinaan.

(20 markah)

5. Bincangkan secara terperinci apakah yang perlu dilakukan oleh seorang kontraktor landskap dalam kerja-kerja penyelenggaraan landskap khususnya yang melibatkan landskap lembut dan landskap kejur.

(20 markah)